

**PM kata Dr M pemimpin 'super ego'**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 28, 2016**

**Datuk Seri Najib Razak berkata Tun Dr Mahathir Mohamad tidak ada pilihan selain menyerangnya kerana beranggapan untuk menumbangkan Umno, presiden parti perlu ditumbangkan terlebih dulu.**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang mempunyai "super ego" yang besar.

"Kalau dia bertarung dia mesti nak menang, cuba nak menang. Sekarang dia tak berjaya dia akan lebih agresif dengan kata-kata dan sebagainya," katanya pada program Soal Jawab Khas sempena Perhimpunan Agung Umno 2016.

Rancangan yang disiarkan kira-kira sejam itu diperantarakan Hamdan Ahmir dan disertai Pengarang Utusan Malaysia Datuk Zulkefli Hamzah dan pengacara RTM Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar.

Najib yang juga presiden Umno berkata usaha Dr Mahathir menjatuhkan beliau menerusi Deklarasi Rakyat juga tidak berhasil kerana ia tidak sah di sisi undang-undang dan Perlembagaan sehingga ditolak oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja, bulan lalu.

Sehubungan itu, Najib berkata Dr Mahathir tidak mempunyai pilihan selain daripada menyerangnya kerana beranggapan untuk menumbangkan Umno, presiden parti perlu ditumbangkan terlebih dulu.

"Waktu Dr Mahathir jadi presiden Umno, orang yang sama duduk keliling dia hari ini mengata dia lagi teruk sebenarnya. Kalau kita tengok balik 'tape-tape', video lama mereka mengutuk Dr Mahathir lagi dahsyat.

"Ini proses politik, mainan politik. Jadi sekarang ini dia tak berjaya dia akan jadi lebih agresif lagilah dengan kata-kata dan sebagainya," katanya.

Ketika diminta berkongsi rahsiannya menghadapi pelbagai kecaman dengan tenang, Najib berkata : "Saya dah faham dengan pemimpin seperti Dr Mahathir, kaedah dan mesej (yang beliau gunakan)".

Selain itu, Najib berkata sokongan padu daripada anggota parti selain ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) juga merupakan antara faktor beliau terus bertahan.

"Saya lihat parti PAS pun tak bersama dengan dia. Dalam pembentangan Bajet 2017, PAS tidak menyokong pembangkang (Pakatan Harapan) menolak bajet," katanya.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/28/pm-kata-dr-m-pemimpin-super-ego/>